

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

## ‘Mari Bawa Kami Ke Medan Perang!’

**Perkataan ini, ialah perkataan Sa‘ad bin Mu‘adh, sahabat Ansar yang utama mengorbankan hartanya, tenaganya dan nyawanya sekali untuk membela kalimah Tuhan Yang Maha Tinggi. ketika nyawanya hampir melayang Rasulullah bergesa-gesa datang ke rumahnya sehingga kasut beliau tercipir iaitu sebagai bukti bahawa Sa‘ad bin Mu‘adh adalah sahabat utama dan disayangi Rasulullah.**

Kedatangan musafir-musafir Yathrib (Madinah) dari Mekah membawa khabar tentang Muḥammad itu adalah suatu perkara baharu bagi mereka. Sungguhpun sebahagian mereka berasa ingin hendak mengetahui tetapi keadaan sebahagian mereka, pada masa itu, jiwanya menolak sebab telah diselaputi oleh perasaan tidak mahu mengubah pendirian mereka dari kepercayaan agama datuk neneknya menyembah berhala.

Tetapi sebahagiannya ingin pula hendak mendengar apakah dia yang dibawa oleh Muḥammad itu dan kerana itu kedatangan Muṣ‘ab ibn Umayr sebagai utusan Muḥammad ke Yathrib dikerumuni mereka.

Utusan Rasulullah yang utama ini dalam menjalankan syiar Islam ke tanah yang jiwanya subur itu adalah menjalankan cara-cara yang ditunjukkan Tuhan kepada mereka iaitu menggunakan hikmah dan kebijaksanaan serta menggunakan perbincangan-perbincangan dengan cara tenang lebih baik dari cara mereka. Muṣ‘ab dengan lemah lembut menerangkan tujuan-tujuan Islam dan menjalankan ayat-ayat Al-Qur‘an yang sangat mengikat jiwa mereka sehingga dengan kebijaksanaannya maka Islamlah mereka di rumah As‘ad Ibn Zarārah, seorang sahabat yang tinggi budinya.

Pada suatu hari Muṣ‘ab dengan ditemani oleh As‘ad berjalan menuju kampung kabilah ‘Abd Aṣḥal dan kabilah Dāfir. Setibanya di sana mereka duduk di sebuah tembok dan berkelilinglah oleh orang-orang yang telah masuk Islam. Ketibaan mereka diketahui oleh ketua suku Aṣḥal, Sa‘ad bin Mu‘adh dan Usaid bin Hudair. Kedua-duanya tidak senang hati melihat perbuatan-perbuatan yang dilakukan merosak agama nenek moyang mereka. Sa‘ad berkata:

“Hai Asad, pergilah saudara kepada kedua-dua orang yang datang ke kampung kita ini yang sedang memujuk orang yang bodoh-bodoh. Tegahlah mereka dan larang mereka jangan mengacau tempat kita. Jangan takut saya kenal bahawa As‘ad Ibnu Zarārah sepupuku, ia seorang pengecut!”

Dengan hati yang tetap Asad mengambil pedangnya dan pergi ke tempat duduk Muṣ‘ab dan As‘ad. As‘ad dari jauh melihat ketibaan Asad dan kerana itu ia berkata kepada sahabatnya: “Yang sedang menuju ke mari itu ialah seseorang pemimpin yang terkemuka bagi kabilah di sini. Yakinkanlah kebenaran agama Allah kepadanya.”

“Apabila ia duduk nanti baharu aku bercakap”  
-jawab Muṣ‘ab.

Asad, setibanya di tempat itu dengan garang lalu memaki-maki dan berkata: “Mengapa seberani ini kamu ke mari untuk memujuk dan membodoh-bodohkan kaum kami yang lemah. Pergilah kamu dari tempat ini sekarang juga, itu pun ada sesuatu keperluanmu yang perlu kami tolong!”

Dengan tenang dan sabar serta lemah lembut Mus‘ab menjawab: “Sudikah saudara duduk sebentar untuk sekadar mendengar keterangan kami? Sekiranya sesuai dengan pendapat dan fikiran saudara, bolehlah saudara terima, dan kalau tidak baik atau buruk, menurut pendapat saudara, tidak usah diterima.”

Mendengar jawapan yang lemah lembut dan halus itu Asad lembut hatinya; dan dengan perasaan insaf ia ia berkata: “Saya telah mengerti, saudara”

Sambil menyarungkan pedangnya, ia duduk di sisi Mus‘ab dan mendengar keterangan-keterangan Mus‘ab tentang Islam yang diterangkannya dengan cara yang sangat bijaksana. Dibacakannya beberapa ayat Al-Qur‘ān yang didengar semuanya oleh Asad dengan penuh perhatian. Jiwanya telah dipengaruhi oleh penerangan-penerangan itu. Ia belum pernah mendengar kalimah dan rangkaian kata yang sedemikian indah dan merdunya. Sinar yang memancar pada wajahnya adalah menggambarkan sesuatu perjuangan yang bergolak di dalam jiwanya. Mus‘ab dan As‘ad membiarkan sahaja keadaan Asad sedemikian itu sehingga seruan kebenaran memenuhi jiwanya. Akhirnya dengan perkataan yang dikeluarkannya dengan sepatah-sepatah tetapi tepat dan pasti, Asad berkata:

“Alangkah nikmat dan indahnyalah kalimah-kalimah yang saudara bacakan itu. Bagaimana tuan-tuan buat apabila tuan-tuan hendak masuk ke dalam agama itu?”

Mus‘ab dengan segera menjawab: “Pertama mandi membersihkan badan, membersihkan pakaian, mengaku hakikat kebenaran dan kemudian baharu sembahyang. Kerana itu kalau saudara berkenan hendak memeluk agama Islam, silalah saudara mandi, bersihkan pakaian dan ucapan dua kalimah Syahadah.....”

Setelah mendengar jawapan itu dengan tidak ragu-ragu lagi dan dengan keyakinan yang penuh, Asad melakukan ucapan mengIslamannya – dan sehabisnya sembahyang dua rakaat ia berkata kepada Asad dan Mus‘ab: “Di sana ada manusia yang berpengaruh besar kepada kaumnya. Kalau ia bersedia mengikut saudara-saudara sudah tetap tidak ada lagi seseorang pun daripada kaumnya yang tidak masuk agama Islam. Saya akan datangkan ia ke mari bagi menemui saudara. Namanya ialah Sa‘ad bin Mu‘ādh.”

Sehabisnya perkataan itu maka Asad pun mengambil pedangnya dan pergi mendapatkan Sa‘ad bin Mu‘ādh dibalai pertemuan itu dengan segera As‘ad menyambutnya dengan suatu perkataan: “Apa yang telah engkau kerjakan, wahai sahabat??”

“Demi Allah! Saya telah bertemu muka dan bercakap-cakap dengan dua orang lelaki yang lemah lembut dan sedikit pun tidak bersifat bengis” - kata Asad dengan tenangnya. “Telah aku tegah keduanya” - katanya - “Supaya jangan membuat kacau di kampung kita ini. terhadap tegahanku mereka menjawab dengan santun: akan kami kerjakan apa yang saudara sukai - demikian jawapan mereka. Selain daripada itu telah terjadi suatu peristiwa yang saudara ketahui bahawa anak-anak kabilah Ḥarīthah telah keluar hendak membunuh As‘ad bin Zarārah, sedang mereka mengetahui As‘ad ialah sepupu engkau.

Tidak lain maksudnya, hanyalah semata-mata hendak menghinakan engkau.....”

Mendengar keterangan Asad yang akhir itu Saad tak dapat lagi menahan kemarahannya. Sebagai singa garangnya ia berdiri dengan muka merah padam, matanya berapi-api dan sambil menghunus pedangnya berkata: “Saya tidak puas dengan keterangan saudara.”

Setelah mengucapkan ucapan yang pendek ini ia pergi lalu menuju ke tempat Mus‘ab dan As‘ad.

Ketika dilihat Mus‘ab dan As‘ad tenang sahaja faham lah ia bahawa keduanya ingin supaya ia sudi mendengar keterangannya. Dengan sikap yang angkuh, ia berdiri di hadapan keduanya, sambil berkata kepada As‘ad: wahai Abā Āmāmah (gelaran As‘ad), sekiranya kita bukan berkerabat maka bukan begini sikap saya terhadap tuan-tuan. Sampai benar hatimu membuat gaduh di kampung halaman kami?”

Pada ketika itu As‘ad berbisik kepada Mus‘ab: “Lihat, telah datang kepada saudara seseorang bangsawan, yang kalau ia mahu beriman kepada Allah dan Muhammad sudah tentu semua kaumnya akan mengikut teladannya.”

Dengan sangat-sangat menunjukkan hormat dan lemah lembut Mus‘ab mempersilakan Sa‘ad bin Mu‘ādh duduk. Mendengar kata-kata Mus‘ab yang sopan dan bijaksana itu hati Sa‘ad telah jadi lembut.

Ia duduk mendengar keterangan-keterangan Mus‘ab dalam keadaannya seperti dengan Asad dahulu. Dengan ucapan-ucapan dan keterangan-keterangan yang lemah lembut dari Mus‘ab maka terbukalah hati Sa‘ad dan pada saat itu juga Sa‘ad telah menjadi seorang Islam yang jujur.

Khobar masuknya Sa‘ad ke dalam Islam telah tersiar

dengan luasnya di Madinah dan Mekah. Peristiwa ini telah menggemparkan kaum Quraisy Mekah kerana mereka cukup mengetahui pengaruh Sa‘ad di Madinah. Islamnya Sa‘ad bererti Islamnya seluruh Madinah. Kekhawatiran kaum Quraisy ini sememangnya beralasan kerana tidak berapa lama kemudian menderulah kaumnya masuk Islam. Setelah Sa‘ad masuk Islam maka datanglah kepadanya kaumnya, dan Sa‘ad berkata: “Bagaimana pandangan saudara-saudara tentang langkah saya sekarang?”

“Tuan pemimpin kami, lebih cerdas daripada kami dan tahu memilih mana-mana yang baik” - jawab mereka.

Mendengar kata itu maka Sa‘ad berkata: “Sebelum saudara-saudara beriman kepada Allah dan Rasulnya, maka saya tidak reda, saudara-saudara, baik lelaki atau perempuan, berkata-kata dan bertutur dengan saya.....”

Pengaruh perkataannya ini besar benar sehingga tidak sampai keesokannya semua Khabilah Aşhal telah memeluk agama Islam.

Kemudian Sa‘ad mengajak Mus‘ab dan As‘ad ke rumahnya, dan dari sana mereka menyeru manusia kepada jalan Allah. Patung-patung berhala mereka dipecahkan sendiri oleh Sa‘ad dan oleh As‘ad.

Ketika Nabi Muhammad (S.A.W) berhijrah ke Madinah Sa‘ad bin Mu‘ādh telah dipersaudarakan dengan Sa‘ad bin Abi Waqqāş; dan mulai daripada saat itulah terlukis pengorbanan keluarga Sa‘ad terhadap perkembangan Islam.

Ketika menggembur rombongan-rombongn perniagaan kaum Quraisy di bandar Sa‘ad bin Mu‘ādhlah yang membawa bendera kaum Ansar. Tatkala diketahui bahawa kaum Quraisy akan berjuang mati-matian untuk mempertahankan rombongan

perniagaannya maka terjadilah satu soal untuk menggunakan muslihat. Kaum Ansar telah berjanji dan bersumpah setia akan mempertahankan dan membela Rasul Allah di negeri mereka sendiri, iaitu dalam bandar Madinah tetapi mereka tidak pernah membuat janji dan bersetia untuk memerangi musuh yang tidak dengan langsung menyerang negeri mereka.

Pada ketika itu Rasulullah bertanya pandangan kaum Muhajirin. Kaum Muhajirin melafazkan persetiaan mereka iaitu mereka akan mengorbankan segala-galanya untuk jalan Allah. Setelah itu Rasulullah memandang kepada sahabat-sahabat Ansar seraya berkata: “Beri saya nasihat, wahai manusia.....”

“Demi Allah, barangkali tuan maksudkan kami, Ya Rasullallah” - jawab Sa‘ad bin Mu‘ādh.

“Benar” jawab Rasulullah.

“Kami telah beriman kepada tuan” jawab Sa‘ad dengan sepenuh-sempurnya perasaan jiwanya, “Kami telah membenarkan engkau, kami mengakui bahawa apa yang engkau sampaikan itu benar, dan untuk itu kami telah memberi janji dan telah membuat sumpah setia. Kami patuh dan taat! Kalau tuan memandang baik, teruskan peperangan dan kami bersama-sama dengan tuan. Demi Allah, kalau sekiranya tuan ke laut api sekalipun sudah tetap kami akan menyertainya, Ya Rasullallah, dan tidak ada seseorang pun di antara kami yang akan tinggal! Kami tidak gementar menghadap musuh esok kerana kami biasa di dalam peperangan. Semoga Allah akan menyedapkan mata tuan dengan melihat kebenaran janji kami. Mari bawa kami kemudian perang, Ya Rasullallah.....”

Mendengar jawapan Sa‘ad itu Rasulullah bergembira. Rasulullah berkata: “Bersiaplah untuk berangkat, dan

bersenang hatilah saudara-saudara kerana sesungguhnya Allah telah menjanjikan kemenangan. Demi Allah saya seakan-akan telah melihat kehancuran mereka.

\* \* \*

Tidak lama antaranya maka angkatan Islam itu pun berangkat dan membuat khemah di Badar. Ketika tiba di sana Sa‘ad bin Mu‘ādh berkata:

“Ya Rasul Allah, baiklah kami dirikan untuk tuan sebuah khemah yang kuat dan kami siapkan pengawal-pengawal di sekelilingnya, dan setelah itu baharulah kami menghadap musuh. Kami tunggu Allah memberi kemenangan kepada kami dengan menghancurkan musuh - inilah yang menjadi hasrat kami. Jika terjadi sebaliknya kami kalah, maka bersegeralah tuan berkuda balik ke Madinah untuk menjumpai kaum kami yang masih banyak di sana. Ketahuilah, ya Rasulullah, bahawa kecintaan mereka kepada tuan tidak kurang dari kecintaan kami. Sekiranya mereka mengetahui bahawa tuan di dalam kekalahan, sudah tetap mereka tidak akan tinggal berpeluk tubuh di rumah, bahkan tentu mereka akan ikut berjihad bersama-sama dengan tuan.....”

Alangkah besarnya rasa hati Rasulullah mendengar kata-kata Sa‘ad bin Mu‘ādh kerana dengan perkataan Sa‘ad itu menunjukkan gambaran betapa besar kecintaan Sa‘ad kepada Rasulullah dan kepada Islam. Dengan serta-merta Rasul Allah memuji-muji Sa‘ad dan berdoa kepada Allah untuk keselamatan Sa‘ad.

Peperangan berlaku dengan hebatnya. Sa‘ad sendiri dengan pedangnya terhunus berkawal di pintu khemah Rasul Allah sebab ia khuatir Rasulullah akan diserang oleh musuh. Kesudahan peperangan itu kaum Muslimin

(Sambungannya di muka 34)

mengadakan korban.

Pada Hari Raya Korban ini darah binatang ternak yang sihat mengalir di mana-mana dan dilihat oleh kita dan anak-anak kita. Permulaan orang melihat darah mengalir itu tentu akan gerun dan takut tetapi apabila selalu dibuat ia tidak akan gentar melihatnya dan berani mengalirkan darahnya sendiri kelak, apabila diperlukan untuk menegakkan kalimah Tuhan!

Kejadian-kejadian yang tersebut ini adalah menggembirakan bahawa kita, kita yang mengutamakan tauhid, kita yang mengaku tidak ada Tuhan yang disembah selain daripada Allah, tidak akan undur dan takut memberi pengorbanan kepada jalan Allah dengan harta, tenaga dan jika perlu nyawa sekalipun. Kita telah mengetahui dengan nyata dan tegas bahawa hidup dan mati kita ditangan Allah! Esok atau lusa, tidak akan dapat dielak kalau mati menghendaki kita, tetapi carilah kematian itu pada berjihad di jalan Tuhan kerana dengan jihad kepada jalan Allah itulah sahaja yang akan membawa kebahagiaan yang kekal abadi selama-lamanya!

Lihat, nun di sana bagaimana sejarah pahlawan-pahlawan Islam yang berjuang - bukannya mencari pangkat dan kedudukan tetapi yang dicari hanya mati di medan perjuangan untuk mendapat keredhaan Tuhan!

Sebab kita hidup tidak di dalam masa perjuangan jihad yang berkehendak supaya darah kita ditumpahkan, maka marilah kita bersama-sama memasuki jihad yang lebih besar daripada itu iaitu jihad kepada jalan Allah dalam memerangi hawa nafsu seperti yang pernah disabdakan oleh junjungan kita Muhammad (S.A.W) sesudah beliau balik dari medan perang.

Korbankanlah segala-galanya untuk menegakkan kalimah

Tuhan. Kalimah Tuhan tidak akan dapat saudara-saudara dirikan dalam masyarakat atau dalam negara, kalau belum kita dirikan pada diri kita sendiri. Saudara tidak akan diharap dapat membuat seruan kepada umat untuk bersama-sama menegakkan kalimah Tuhan kalau masing-masing tidak dapat menegakkannya dalam dirinya sendiri.

Sebab itu tegakkanlah kalimah Tuhan pada diri sendiri dengan mengerjakan suruhannya, menjauhi larangannya – beramal dengan amal yang soleh, beradab dengan adab yang sempurna – bermuka manusia, bertutur kata dengan baik, sabar dan bertawakal kepada Allah dalam tiap-tiap suatu usaha. Bekerja dan berusaha menuju kepada kebahagiaan untuk diri dan masyarakat, berjuang dan menyeru manusia supaya berbakti kepada Allah. Mudah-mudahan ada di antara kita yang sentiasa memberi pengorbanannya untuk Allah dan menanam perasaan di dalam hatinya bahawa apakah akan dikatakannya nanti di hadapan Tuhan, apa yang telah dibuatnya selama hidup di dunia sebagai baktinya kepada Tuhan!!

---

#### **Sambungan dari muka 25**

Mendapat kemenangan; dan banyak pahlawan-pahlawan serta tentera musuh yang ditawan. Ketika itu Rasullallah melihat wajah Sa'ad muram, dan sebab itu Rasullallah berkata:

“Demi Allah, aku melihat seakan-akan tidak senang atas perbuatan kaum kita?”

“Benar ya Rasulullah” jawab Sa'ad dengan tegas. “Demi Allah, ini adalah perang yang pertama yang berkesudahan dengan kekalahan kaum musyrik. Membunuh habis pemimpin-pemimpin musyrik, lebih menyenangkan saya daripada membiarkan mereka hidup di dalam tawanan.....”

Bersambung